

Netizen anggap MRT antara pengangkutan awam terbaik



Najib bersama Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (kanan) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri (kiri) menaiki MRT selepas majlis pelancaran MRT Sungai Buloh-Kajang fasa satu yang dilancarkan 15 Disember lalu.

→ Pelbagai maklum balas diterima dalam lama sosial PM berhubung perkhidmatan Transit Aliran Massa

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Netizen memberi pelbagai maklum balas dalam laman Facebook Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) fasa satu yang dilancarkan pada 15 Disember lalu.

Mereka menyifatkan perkhidmatan MRT itu adalah antara yang terbaik untuk pengguna pengangkutan awam di ibu negara.

Mudahkan pergerakan

Seorang netizen, Hafiz Hamid, berkata perkhidmatan MRT itu memudahkan pergerakan warga kota.

“Terima kasih kepada Kerajaan BN (Barisan Nasional). Bukan mudah nak majukan negara. Bukan bercerita tentang kesilapan kerajaan sahaja.

“Kalau ada cadangan yang baik untuk rakyat Malaysia boleh dipertimbangkan pada masa depan untuk kesejahteraan rakyat Ma-

laysia,” katanya.

Najib lewat malam kelmarin menjemput orang ramai memberi maklum balas terhadap perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) fasa satu yang dilancarkan.

“Dah 10 hari MRT beroperasi, macam mana, siapa dah naik? Boleh beri maklum balas kepada @MRTMalaysia kalau ada apa-apa cadangan dan pendapat,” tulis Najib dalam catatan di laman rasmi Facebook beliau.

Perkhidmatan percuma sebulan

Perdana Menteri turut berkongsi beberapa keping gambar memaparkan penumpang menggunakan perkhidmatan MRT dan bas perantara percuma selama sebulan sehingga 16 Januari depan.

Laluan fasa pertama MRT memabihkan 12 stesen antara Sungai Buloh dan Semantan dengan jarak sejauh 21 kilometer itu mula beroperasi 16 Disember lalu.

Ia meliputi stesen Sungai Buloh; Kampung Selamat; Kwasa Damansara; Kwasa Sentral; Kota Damansara; Surian; Mutiara Damansara; Bandar Utama; Taman Tun Dr Is-



Terima kasih kepada Kerajaan BN (Barisan Nasional). Bukan mudah nak majukan negara. Bukan bercerita tentang kesilapan kerajaan sahaja”

Hafiz Hamid,
Netizen



Inilah yang saya mahu. Senang mau jalan ke mana-mana tanpa perlu mencari tempat letak kenderaan”

Robert Chan,
Netizen

mail; Phileo Damansara; Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

Ravintaran Ravie pula memberi maklum balas “Saya percaya Perdana Menteri. Akan datang pasti ada lagi pencapaian yang besar dalam sektor pengangkutan awam.”

Sokong langkah PM

Robert Chan pula meluahkan sokongan 100 peratus kepada Perdana Menteri, sambil berkata:

“Inilah yang saya mahu. Senang mau jalan ke mana-mana tanpa perlu mencari tempat letak kenderaan.”

Bagi Buje Ismail pula, MRT suatu yang baik, pelaksanaan yang baik, hasil yang baik, di luar pengetahuan di luar pengamatan mata kita dan setiap rakyat perlu bersangka baik terhadap pembinaannya.

Ezaidi Aida Chartered pula memberi maklum balas “Alhamdulillah... kemajuan. semua datang dari Allah... amanah itu dirancang dan dilaksanakan kerajaan sekarang.”

Azman Jaafar pula berkata, “Alhamdulillah syukur... terbaikkah.”